




NEWS CLIPPING – PRESS

CLIENT:	DSA EXHIBITION AND CONFERENCE		
PUBLICATION:	THEMALAYSIANINSIDER.COM	SECTION:	BAHASA
DATE:	THURSDAY, 18 FEBRUARY 2016	PAGE NO.:	1 OF 2
CIRCULATION:	ONLINE	FREQUENCY:	ONLINE
HEADLINE:	MALAYSIA SETUJU GUNA 3 PENDEKATAN ARAB SAUDI PERANGI ISIS, KATA HISHAMMUDDIN		



BAHASA

Malaysia setuju guna 3 pendekatan Arab Saudi perangi Isis, kata Hishammuddin

Published: 18 February 2016 11:49 PM



Menteri Pertahanan Datuk Seri Hishammuddin Hussein berkata Malaysia sedia menggunakan pendekatan Arab Saudi bagi mengenal pasti ideologi propaganda Isis dan peranan media sosial dalam merekrut ahli kumpulannya.
– Gambar fail The Malaysian Insider, 18 Februari, 2016.

Malaysia bersetuju menggunakan 3 pendekatan Arab Saudi dalam memerangi Daesh atau militan Negara Islam Iraq dan Syria (Isis) termasuk mengenal pasti sumber kewangan kumpulan pengganas itu, kata Menteri Pertahanan Datuk Seri Hishammuddin Hussein.

Selain itu, katanya, Malaysia sedia menggunakan pendekatan negara itu bagi mengenal pasti ideologi propaganda Isis dan peranan media sosial dalam merekrut ahli kumpulannya.

"Ini merupakan hasil perbincangan saya bersama-sama rakan sejawatan Putera Mahkota Arab Saudi Muhammad Salman baru-baru ini.

NEWS CLIPPING – PRESS

CLIENT:	DSA EXHIBITION AND CONFERENCE		
PUBLICATION:	THEMALAYSIANINSIDER.COM	SECTION:	BAHASA
DATE:	THURSDAY, 18 FEBRUARY 2016	PAGE NO.:	2 OF 2
CIRCULATION:	ONLINE	FREQUENCY:	ONLINE
HEADLINE:	MALAYSIA SETUJU GUNA 3 PENDEKATAN ARAB SAUDI PERANGI ISIS, KATA HISHAMMUDIN		

"Pendekatan itu merupakan satu daripada inisiatif kerajaan dalam mengekang penyebaran Daesh, yang kini menjadi kebimbangan dunia," katanya kepada pemberita selepas menghadiri taklimat Persidangan dan Pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) 2016 di Wisma Pertahanan di Kuala Lumpur, hari ini.

Bagaimanapun, katanya, Malaysia menolak pendekatan ketenteraan yang digunakan Arab Saudi.

Pada 27 Januari lepas, Malaysia dan Arab Saudi menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bagi mengukuhkan kerjasama pertahanan terutama dalam bidang sains, teknologi dan industri.

MoU itu ditandatangani Hishammuddin dan Muhammad Salman semasa lawatan kerja Hishammuddin ke negara itu. – Bernama, 18 Februari, 2016.

Promoted Stories

Recommended by Outbrain

Share with others



Comments

Please refrain from **nicknames** or **comments** of a racist, sexist, personal, vulgar or derogatory nature, or you may risk being blocked from commenting in our website. We encourage commenters to use their real names as their username. As comments are moderated, they may not appear immediately or even on the same day you posted them. We also reserve the right to delete off-topic comments.

0 COMMENTS